DISIPLIN UKUR BAHAN

# [F7]

KOMPETENSI
PENOLONG PENGURUS
PEROLEHAN PERKHIDMATAN PERUNDING

# PIAWAIAN

KERANGKA

# PENSIJILAN

PELAKSANA

2024



## KEPERLUAN SKOP PENGETAHUAN DAN KRITERIA PRESTASI

**BIDANG KOMPETENSI** : **PENOLONG PENGURUS PEROLEHAN PERKHIDMATAN PERUNDING**

**TAHAP** : **TAHAP 2 - ASAS**

Calon hendaklah mempunyai pengetahuan dan pengalaman dalam menguruskan perolehan Kerajaan di sepanjang perkhidmatan sebagai Penolong Jurutera Ukur Bahan.

Ciri-ciri kekompetenan yang perlu dimiliki adalah seperti berikut:

i. Berkemahiran dalam menguruskan perolehan Kerajaan;
ii. Mengenalpasti masalah dan berkebolehan menangani masalah berkaitan perolehan;
iii. Berkebolehan menjalankan tugas tanpa pengawasan.

Skop pengetahuan bagi tahap-tahap pensijilan yang berkaitan adalah seperti berikut:

Pada tahap ini, calon berpengetahuan mengenai maklumat asas konsep, kaedah perolehan dan peraturan perolehan Kerajaan. Calon mampu untuk memahami keperluan kaedah perolehan perkhidmatan perunding yang sesuai mengikut keperluan projek. Butiran modul pensijilan adalah seperti berikut:

| Elemen | Kriteria Kompetensi |
|---|---|
| Dasar, prinsip dan peraturan perolehan Kerajaan | 1. Kebolehan mengenal pasti dasar, prinsip dan peraturan perolehan Kerajaan.<br>2. Kebolehan untuk mengenal pasti pemegang taruh dan punca kuasa pelaksanaan perolehan Kerajaan.<br>3. Kebolehan untuk mengetahui kesalahan didalam mematuhi dasar dan peraturan perolehan kerajaan. |
| Tatacara dan kaedah perolehan perkhidmatan perunding | 1. Mampu memahami dan mengenal pasti keperluan projek dan menyesuaikan kaedah perolehan perkhidmatan perunding yang sesuai.<br>2. Menunjukkan pemahaman kaedah perolehan perkhidmatan perunding.<br>3. Menunjukkan pemahaman tatacara setiap kaedah perolehan perkhidmatan perunding. |
| Etika dan integriti di dalam perolehan perkhidmatan perunding. | 1. Menunjukkan pemahaman konsep integriti di dalam perolehan perkhidmatan perunding.<br>2. Menunjukkan pemahaman etika menguruskan perolehan perkhidmatan perunding. |

© BAHAGIAN KOMPETENSI, PENSIJILAN DAN AKREDITASI KEJURUTERAAN (BKPAK)
PUSAT KECEMERLANGAN KEJURUTERAAN DAN TEKNOLOGI JKR (CREaTE)